

PEMERKASAAN EKONOMI DIGITAL, TRANSFORMASI PERTANIAN PINTAR



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

INFO@MAFI

MAJLIS AMANAT MAFI TAHUN 2022





MAJLIS AMANAT MAFI TAHUN 2022

“ Semua warga kerja MAFI telah memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan keberkesanan setiap program dan aktiviti yang dirancang serta bagi memastikan keluarga Malaysia dapat menerima manfaat yang diberikan oleh Kerajaan. Semoga MAFI juga akan terus memartabatkan sekuriti makanan negara serta membela warga tani keseluruhannya.
 ”

YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee,
 Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)
 dalam ucapan Majlis Amanat MAFI Tahun 2022 pada 21 Januari 2022.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN PROJEK SMART SAWAH BERSKALA BESAR (SMART SBB) ANTARA LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU DAN BERNAS

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Syarikat Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) bagi pelaksanaan Projek Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang merupakan salah satu program peningkatan hasil padi negara dalam satu majlis yang diadakan di Ladang Merdeka Jelor, Pasir Puteh pada 23 Januari 2022.

Pengurus Besar KADA, Nik Roslan bin Idris mewakili KADA menandatangani MoU tersebut manakala BERNAS pula diwakili oleh Ketua Bahagian Pembangunan Pengurusan Konsesi dan Aktiviti Hulu, Abdul Rahman Mohd Nasri disaksikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee.

Menurut Datuk Seri Dr. Ronald, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mula melaksanakan program SMART SBB yang merupakan kerjasama pintar awam dan swasta untuk membangunkan kawasan penanaman padi secara berperingkat di Semenanjung Malaysia.

Pendekatan ini adalah sebagaimana yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri.



Untuk rekod, sehingga Oktober 2021, seramai 3,811 pesawah telah mendapat manfaat daripada program SMART SBB melibatkan kawasan penanaman padi seluas 9,778 hektar di beberapa tempat termasuk IADA Barat Laut Selangor dan IADA Seberang Perak.

Program SMART SBB ini merupakan hala tuju baharu industri padi dan beras negara yang sedang dilaksanakan oleh MAFI bagi meningkatkan produktiviti dalam mencapai SSL beras yang ditetapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu sebanyak 75 peratus.

Sebanyak 134 hektar tanah sawah telah diperuntukkan di bawah projek rintis SMART SBB KADA-BERNAS. Seluas 100 hektar di Mukim Bunut Susu, Pasir Mas telah diperuntukkan untuk diusahakan bersama dengan BERNAS, manakala 34 hektar lagi melibatkan Ladang Merdeka Jelor, Pasir Puteh dengan anggaran kos keseluruhan melibatkan hampir RM10 juta bagi tempoh 15 tahun.

Pelaksanaan projek merangkumi kos infrastruktur dan pengairan serta proses penyuburan tanah. Program ini akan terus diperkasa dan sokongan semua pihak diperlukan selari dengan matlamat Kerajaan dalam menjamin sekuriti bekalan makanan negara sepanjang masa sekaligus membela golongan petani, penternak dan nelayan.



MAJLIS PECAH TANAH PROJEK PENEMPATAN SEMULA NELAYAN (PSN) BENTING LINTANG, BESUT, TERENGGANU

YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, dan YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Nik Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II telah menghadiri Majlis Pecah Tanah Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) Benting Lintang, Besut yang telah disempurnakan oleh Menteri Besar Terengganu, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar pada 23 Januari 2022.

Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Benting Lintang, Besut ini melibatkan usahasama antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Projek yang dianggarkan menelan kos sebanyak RM 7.60 juta ini akan dilaksanakan di atas tanah kerajaan iaitu di Benting Lintang, Besut. Pelaksanaan projek ini dijangka akan bermula pada Januari 2022 dan dijangka siap menjelang Julai 2023.

Komposisi pembangunan adalah terdiri daripada 50 unit perumahan nelayan yang direka bentuk mengikut spesifikasi Rumah Darul Iman (RAHMAN) iaitu berkeluasan 800 kaki persegi merangkumi 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Projek ini juga turut mempunyai beberapa kemudahan seperti gerai jualan, loji rawatan kumbahan, surau dan tadika. Pengisian peserta untuk projek ini diutamakan kepada golongan nelayan di negeri Terengganu yang diselarasakan oleh LKIM.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui agensinya iaitu LKIM sentiasa memainkan peranan penting dan berkesan sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan dan memajukan perusahaan perikanan negara.



PELEPASAN 10,000 BENIH IKAN DI KAMPUNG DUSUN MUDA, TAPAH PERAK



YB Datuk Seri Hj. Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I telah menyempurnakan pelepasan sebanyak 10,000 ekor benih ikan ke perairan umum sungai di Kampung Dusun Muda, Tapah, Perak pada 24 Januari 2022.

Program pelepasan benih ikan ini bertujuan memperkayakan sumber ikan air tawar asli di kawasan tersebut sekaligus memberi manfaat kepada 3,000 orang nelayan darat.

Program ini merupakan kerjasama antara Pejabat Perikanan Negeri (PPN) Perak yang dibantu oleh pusat pembenihan dan penyelidikan Jabatan Perikanan Malaysia yang mempunyai kemampuan serta kepakaran dalam menyediakan benih-benih ikan seperti Lampam Sungai, Baung dan benih ikan yang jarang ditemui seperti Kelah dan Temoleh.



Mengikut statistik pendaratan Perikanan Darat Negeri Perak tahun 2020, lebih kurang tiga ribu tan ikan sungai didaratkan dengan nilai sebanyak RM45 juta. Program perlepasan ikan dilakukan setiap tahun di negeri Perak dengan anggaran lebih kurang dua juta ekor benih ikan pelbagai spesies dengan nilai hampir RM500,000.

Sebahagian dari benih ikan adalah keluaran dari Jabatan Perikanan Malaysia dan melalui peruntukan kewangan dari Kerajaan Negeri Perak dan Kerajaan Persekutuan.





PROGRAM MENYANTUNI WIRA AGRO HULU LANGAT, SELANGOR

YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Hj. Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II telah mengadakan lawatan ke daerah Hulu Langat, Selangor bagi meninjau kawasan yang terlibat dengan bencana banjir dan menyantuni Wira Agro iaitu pengusaha tanaman cili fertigasi dan usahawan projek industri asas tani (IAT) di bawah bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Selangor.

Hampir 5,500 pengusaha industri agromakanan atau Wira Agro melibatkan semua subsektor agromakanan terjejas akibat banjir yang melanda seluruh negara dengan anggaran kerugian berjumlah RM67.72 juta berdasarkan laporan sehingga 3 Januari 2022. Selangor mencatatkan kerugian dianggarkan berjumlah RM11.88 juta membabitkan 851 orang Wira Agro.

MAFI berharap agar Dana Bangkit Semula Keluarga Agro berjumlah RM100 juta dan Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) berjumlah RM80 juta serta Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) berjumlah RM12 juta dapat memberikan nafas baharu kepada Wira Agro yang terkesan akibat bencana banjir untuk bangkit semula bagi memastikan sekuriti makanan Keluarga Malaysia terus terjamin dan kelangsungan perusahaan para Wira Agro terbelah.

Sementara itu, Jabatan Pertanian Malaysia melalui skuad DOACakna juga telah mengadakan aktiviti pembersihan di 3 lokasi projek Wira Agro yang terjejas banjir iaitu di Projek Fertigasi Sg. Lui, Pusat Inkubator dan Projek IAT di Dusun Tua. Selain itu, bantuan bakul makanan (Food Basket) melalui inisiatif MAFI Prihatin dan input pertanian turut disumbangkan kepada pengusaha yang terjejas bagi meringankan beban mereka.



SESI LIBAT URUS KE PROJEK RINTIS PADI PULUT, LANGKAWI



Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Dato' Haslina binti Abdul Hamid telah mengadakan lawatan kerja dan sesi libat urus ke Projek Rintis Padi Pulut, Langkawi pada 18 Januari 2022.

Projek Rintis Padi Pulut Langkawi telah dimulakan pada tahun 2019. Ia merupakan program khas bagi mewujudkan penjenamaan produk pulau lagenda ini di samping bertujuan untuk meningkatkan pendapatan pesawah.

Padi Pulut mula ditanam pada musim 1/2019 seluas 38.96 hektar dengan penglibatan seramai 27 peserta.

Pelaksanaan Projek Khas Padi Pulut Langkawi ini diteruskan dengan peruntukan berjumlah RM 20.57 juta bagi lima musim penanaman bermula musim 2/2020 sehingga musim 2/2022 dengan keluasan 540 hektar dengan penglibatan 320 orang peserta.

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bertindak sebagai agensi pelaksana kepada projek ini dengan dibantu oleh Jabatan Teknikal seperti Jabatan Pertanian, (MARDI) dan (JPS).





LAWATAN KERJA PROJEK TANAMAN AVOCADO DAN HALIA BERSAMA KOMUNITI PEKEBUN KECIL BANGAU TINUNON DI KAMOUNG BINGKOR, KENINGAU, SABAH

Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan MAFI telah membuat tinjauan di sekitar Keningau, Sabah dan mengadakan sesi libat urus bagi projek tanaman avocado dan halia bersama Komuniti Pekebun Kecil Bangau Tinunon di Kampung Bingkor, Keningau pada 14 Januari 2022.

Sesi Libat Urus tersebut merangkumi perkongsian pandangan, mendengar isu dan permasalahan dari pengusaha-pengusaha tanaman serta membantu mencadangkan jalan penyelesaian bagi memastikan isu-isu yang dibangkitkan dapat diselaraskan di peringkat Kementerian dan Kerajaan Negeri.

3 - 5 MAC 2022
DATARAN ANGSA NA JOHOR BAHRU MALL,
JOHOR DARUL TA'ZIM
9.00 PAGI - 8.00 MALAM

PATUHI SOP PAKAI PELUTIP MUKA. KERAP SANITASI TANGAN DAN JAGA JARAK FIZIKAL.

WWW.KELUARGAMALAYSIA.GOV.MY
MYKELUARGAMALAYSIA

SIDANG REDAKSI

PENAUNG:
YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

KETUA EDITOR:
SALMAH BINTI RAMLI

EDITOR:
NURIL MUTMAINNAH BINTI ROSLAN

GRAFIK:
SURAIYA HANI BINTI ZAMARI

JURU FOTO:
MOHD NAJIB BIN ABDUL JABAR

IDEA, KONSEP & TERBITAN:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, MAFI